

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN DR. KELVIN YII LEE WUEN
(BANDAR KUCHING)**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan langkah-langkah untuk menangani perjudian 4D haram yang semakin berleluasa di Kuching dan juga seluruh Sarawak, yang bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada negara dari aspek cukai pendapatan tetapi juga meningkatkan masalah sosial terutamanya di kalangan golongan muda.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam memerangi sindiket perjudian 4D secara haram ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil tindakan proaktif yang berterusan bagi menangani masalah ini. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Operasi berkaitan perjudian ‘4D’ haram yang menjadi fokus utama perlu dilaksanakan secara berterusan melalui risikan dari pihak PDRM dan juga maklumat yang disalurkan dari orang awam melalui talian hotline ke bilik gerakan khas dadu yang telah diwujudkan bermula dari bulan Julai 2018 lagi;

SOALAN NO : 196

- ii. PDRM juga berkerjasama dengan agensi-agensi seperti SEB (Sarawak Energy Berhad) bagi tujuan pemotongan bekalan elektrik di premis-premis yang telah dikenalpasti menjalankan kegiatan ini. Terdapat sebanyak 452 buah premis telah dipotong bekalan elektrik bermula dari awal bulan Ogos 2018 sehingga 31 Ogos 2019;
- iii. Kerjasama dengan syarikat nombor ramalan berlesen seperti Magnum 4D, Sports Toto, DaMaCai dan Sarawak Cash Sweep dalam penyaluran maklumat perjudian loteri awam tanpa lesen yang beroperasi berhampiran premis nombor ramalan berlesen sedia ada; dan
- iv. PDRM telah membuat hebahan melalui media masa bertujuan memberi pengetahuan semasa kepada masyarakat dan keluarga tentang akibat buruk dan hukuman yang akan diterima sekiranya terlibat di dalam aktiviti ini.

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri juga turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.